



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***ANALISIS PENAWARAN TENAGA BURUH MAHIR DAN SEPARUH  
MAHIR OLEH INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (!LP)  
DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN***

**ROZITA BINTI JUSOH**

**FEP 2003 7**

**ANALISIS PENAWARAN TENAGA BURUH MAHIR DAN SEPARUH MAHIR**

**OLEH INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)**

**DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN**

**ROZITA BINTI JUSOH**

**KERTAS ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI**

**SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI**

**SARJANA EKONOMI**

**DALAM BIDANG EKONOMI PEMBANGUNAN**

**FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SERDANG**

**2003**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya dapat saya menyiapkan penulisan kertas ilmiah ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia saya, Dr. Khalid yang tidak keberatan meluangkan masa membimbing saya dari mula hingga akhir penulisan ini. Beliau telah banyak membantu dalam menyiapkan penulisan kertas ilmiah ini. Kesanggupan dan jasa baik beliau amat saya hargai. Segala kritikan dan saranan beliau telah memberi kesan mendalam kepada kejayaan penulisan ilmiah ini.

Di samping itu ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Yayasan Pahang dan Kolej IKIP di Kuantan yang merealisasikan cita-cita saya untuk memperolehi Ijazah Sarjana Ekonomi.

Tidak lupa juga kepada suami dan anak tersayang, Mohd Khairi Sulong serta Izzah Athirah. Terima kasih diatas pengorbanan dan kasih sayang yang engkau berikan. Untuk Izzah, kelahiranmu kedunia dan demi masa depanmu, menguatkan semangat ummi meneruskan pengajian dan seterusnya menyiapkan kertas ilmiah ini.

Untuk ayah yang dikasihi Jusoh bin Dollah dan ibu tersayang Siti Fatimah Mat Sah yang banyak memberi dorongan dan sokongan serta berkorban. Segala kasih sayang yang ditunjukkan tidak akan dilupakan.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Isu kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir terutama dalam sektor perindustrian merupakan masalah yang masih dihadapi oleh Malaysia. Institut latihan kemahiran awam dan swasta memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan tenaga buruh mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian negara. Institut latihan awam merupakan pembekal utama tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Institut Latihan Perindustrian (ILP) adalah salah satu daripada institut latihan kemahiran awam yang terdapat di Malaysia. Seajar dengan matlamat utama penubuhan ILP bagi melahirkan tenaga buruh mahir untuk memenuhi sektor perindustrian, maka satu kajian dibuat untuk melihat sejauh mana peranan yang dimainkan untuk memenuhi keperluan tenaga buruh mahir dan separuh mahir sektor perindustrian. Tumpuan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kursus-kursus yang dijalankan, jumlah pengambilan dan pengeluaran pelatih dapat memenuhi keperluan sektor perindustrian negara yang kekurangan tenaga buruh jenis ini. Hasil kajian mendapati bahawa ILP masih belum dapat memenuhi keperluan tenaga buruh mahir dan separuh mahir sebagaimana yang diperlukan oleh sektor perindustrian negara. Jadi, penulis telah mencadangkan beberapa dasar bagi mengatasi masalah tersebut.

## ABSTRACT

The issue of the decline skilled and semi-skilled labour in the industrial sector is still a main concern in Malaysia. Therefore private and government Skill Training Institutions play a crucial role in fulfilling the demand of skilled and semi-skilled labour in the nation's industrial sector. But the government Skill Training Institution is the main producer of skilled and semi-skilled labour. One of the many government Skill Training Institutions in Malaysia is Industrial Training Institute (ILP). Thus, a research was conducted to see whether ILP in tact with its objective in which, they want to produce skilled labour to fill the industrial sector. The focus of this research was to see how far the courses offered, intakes and productions of trainees can contribute to the demand of the industrial sector. However the result of this research show that ILP is still unable to fulfilled the demand of skilled and semi-skilled labour as per required. Thus, the researcher has recommended a steps to overcome the matter.

## KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN / ISTILAH</b>	xi

### BAHAGIAN I

#### PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Metodologi	7
1.5	Sumber Data dan Skop Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	8

1.7	Pengorganisasian Kajian	9
-----	-------------------------	---

## **BAHAGIAN II**

### **SOROTAN KARYA TERDAHULU**

2.1	Pendahuluan	10
2.2	Analisis Peranan Latihan Dalam Pembangunan Sumber Manusia	11
	2.2.1 Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia	12
	2.2.2 Kerangka Konsep	16
2.3	Sorotan Karya Terdahulu	24

## **BAHAGIAN III**

### **METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	28
3.2	Latar Belakang Penubuhan ILP	28
3.3	Matlamat dan Objektif Penubuhan ILP	31
3.4	Senarai Kursus Yang Di Tawarkan	32

## **BAHAGIAN IV**

### **ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Kesesuaian Antara Kursus Yang Ditawarkan Dengan Industri Yang Wujud	39
	4.2.1 Kursus Yang Ditawarkan Oleh ILP	40
	4.2.2 Industri-Industri Yang Berada Dalam Pasaran	42
	4.2.3 Kesesuaian Kursus Yang Ditawarkan ILP Dengan Keperluan Industri	44
4.3	Pengambilan Pelatih Oleh ILP Untuk Permintaan Tenaga Buruh Mahir dan Separuh Mahir Sektor Pembuatan	45
	4.3.1 Pengambilan Pelatih Untuk Mengikuti Kursus Di ILP Dari Tahun 1995-2000	45
	4.3.2 Gunatenaga Dalam Sektor Pembuatn Bagi Tempoh 1990-1998	48
	4.3.3 Pengambilan Pelatih Oleh ILP Untuk Memenuhi Tenaga Buruh Mahir Dan Separuh Mahir Sektor Pembuatan	49
4.4	Jumlah Graduan Yang Dikeluarkan Oleh ILP Untuk Memenuhi Keperluan Tenaga Buruh Mahir dan Separuh Mahir Sektor Pembuatan	50
	4.4.1 Jumlah Graduan Yang Dikeluarkan Oleh ILP	51



4.4.2	Graduan Yang Dikeluarkan Oleh ILP Untuk Memenuhi Keperluan Tenaga Buruh Mahir Dan Separuh Mahir Sektor Pembuatan	53
4.5	Keputusan Analisis Kajian	53

## **BAHAGIAN V**

### **IMPLIKASI DAN CADANGAN DASAR**

5.1	Implikasi dan Cadangan Dasar	55
5.2	Penutup	57

**SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>		<b>HALAMAN</b>
Jadual 2.1	Malaysia: Anggaran gunatenaga mengikut sektor, 1990-2000	13
Jadual 4.1	Kursus Yang Ditawarkan di ILP Jabatan Tenaga Rakyat	41
Jadual 4.2	Permohonan Yang Diterima Mengikut Industri, 1998 dan 1999	43
Jadual 4.3	Jumlah Pengambilan Pelatih ILP Dari Tahun 1995-2000	47
Jadual 4.4	Gunatenaga Dalam Sektor Pembuatan Mengikut Kategori Pekerja, 1990-1998	49
Jadual 4.5	Jumlah Graduan ILP Daripada Tahun 1995-2000	52

## SENARAI SINGKATAN

<b>ADTEC</b>	<b>Advance Technology Training Centre</b> (Pusat Latihan Teknologi Tinggi)
<b>CAD</b>	<b>Computer Aided Design</b> (Rekabentuk Bantuan Komputer)
<b>CAM</b>	<b>Computer Aided Manufacturing</b> (Pembuatan Bantuan Komputer)
<b>CNC</b>	<b>Computer Numerical Control</b> (Kawalan Numerikal Berkomputer)
<b>EPU</b>	<b>Economics Planning Unit</b> (Unit Perancang Ekonomi)
<b>HRD</b>	<b>Human Resource Development</b> (Pembangunan Sumber Manusia)
<b>ILP</b>	<b>Institut Latihan Perindustrian</b>
<b>JTR</b>	<b>Jabatan Tenaga Rakyat</b>
<b>KDNK</b>	<b>Keluaran Dalam Negara Kasar</b>
<b>K-Ekonomi</b>	<b>Ekonomi Berasaskan Pengetahuan</b>
<b>NICs</b>	<b>New Industry Countries</b> (Negara Perindustrian Baru)
<b>NPB</b>	<b>Negara Perindustrian Baru</b>
<b>P-Ekonomi</b>	<b>Ekonomi Berasaskan Pengeluaran</b>
<b>PIP</b>	<b>Pelan Induk Perindustrian</b>
<b>R&amp;D</b>	<b>Research and Development</b> (Penyelidikan dan Pembangunan)
<b>RMT</b>	<b>Rancangan Malaysia Ke Tujuh</b>
<b>SIRIM</b>	<b>Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia</b>

## BAHAGIAN I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Industri boleh didefinisikan dengan pelbagai makna. Istilah industri secara meluas merujuk kepada organisasi pengeluaran dalam perusahaan yang mempunyai ciri-ciri seperti pengkhususan dalam pembahagian buruh, melibatkan penggunaan teknologi dan penggunaan kuasa mekanikal dan elektrik sebagai 'supplement' atau gantian kepada tenaga buruh manusia. Jadi, perindustrian adalah satu proses yang meningkatkan sumbangan atau peranan industri secara umum dan sektor pembuatan secara khusus di dalam aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

Pembangunan sektor perindustrian adalah fokus utama dalam dasar pembangunan kebanyakan negara-negara membangun di dunia. Ini adalah kerana pertumbuhan industri dianggap sebagai penggerak utama pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Keperluan kepada sektor perindustrian ini telah dinyatakan oleh Chenery yang berpendapat:

*"In general industrialization is necessary on both theoretical and empirical grounds, for 'continued growth' and that a period in which the share of the manufacturing sector rises substantially is a virtual universal feature of the structural transformation".*

Perkembangan ekonomi Malaysia yang sedang menuju ke arah mencapai taraf Negara Perindustrian Baru (NPB) telah memberikan peranan yang lebih besar kepada sektor perindustrian dalam menerajui pertumbuhan ekonomi negara menjelang abad ke-21. Sektor perindustrian memberikan sumbangan utama kepada pertumbuhan ekonomi KDNK negara di samping mempunyai permintaan eksport yang kukuh berbanding sektor pertanian.

Pelaksanaan dasar dan strategi dalam Pelan Induk Perindustrian (PIP) secara berterusan berjaya mewujudkan sektor perindustrian dengan asas yang lebih luas dan cekap serta memperkukuhkan lagi pembangunan sektor ini. Dengan asas ekonomi yang semakin kukuh membolehkan sektor perindustrian terus berkembang dan memantapkan lagi peranannya sebagai nadi penggerak utama dalam proses transformasi ekonomi negara.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan perindustrian yang berasaskan teknologi, negara memerlukan lebih ramai tenaga mahir dan separuh mahir untuk memenuhi permintaan sektor perindustrian. Bagi memudahkan sektor perindustrian beralih kepada proses pengeluaran yang berteknologi tinggi adalah penting bagi negara membangunkan tenaga buruh yang berupaya menyerap dan menyesuaikan proses dan teknologi baru dalam industri.

Mengikut Rancangan Malaysia Ke Tujuh (RMT) gunatenaga dijangka berkembang pada kadar 2.8 peratus setahun dalam tempoh 1996 hingga 2000. Sektor pembuatan yang merupakan sektor utama dalam sektor perindustrian dijangka

mewujudkan sebanyak 564,700 pekerjaan baru atau 49 peratus daripada jumlah bersih pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMT.

Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga buruh mahir dalam sektor perindustrian yang berorientasikan eksport. Pembangunan sumber manusia yang selari dengan kehendak dan keperluan sektor kini akan dapat mengukuhkan asas perindustrian negara. Seterusnya mengurangkan pergantungan tenaga buruh mahir dari luar negara. Sehubungan dengan itu keperluan untuk membangunkan tenaga manusia yang selari dengan kehendak dan keperluan sektor perindustrian menjadi amat penting.

Keperluan untuk membangunkan tenaga buruh mahir telah disedari oleh pihak kerajaan. Oleh itu pihak kerajaan melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensinya telah menubuhkan kumpulan perancang dan pembangunan sumber manusia untuk mengatasi masalah yang timbul dan juga sebagai persediaan ke arah menjadi Negara Peindustrian Baru (NPB). Agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang terlibat ialah Unit Perancang Ekonomi atau *Economics Planning Unit* (EPU), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Belia dan Sukan.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Pertumbuhan pesat dalam sektor pembuatan khususnya dan sektor industri amnya telah membantu mempertingkatkan ekonomi negara dan menjadi pemangkin kepada pengiktirafan sebagai Negara Perindustrian Baru (NICs). Kewujudan kilang-kilang baru telah menyumbang kepada peningkatan jumlah keluaran dalam sektor pembuatan. Keadaan ini mewujudkan peningkatan permintaan terhadap tenaga buruh mahir dan separuh mahir, iaitu daripada 79,707 orang pada tahun 1995 kepada 97,167 orang pada tahun 2000<sup>1</sup>. Walaubagaimanapun jumlah tenaga mahir dan separuh mahir yang dapat dikeluarkan oleh institut latihan awam dan swasta tidak dapat memenuhi permintaan gunatenaga oleh sektor pembuatan, iaitu hanya seramai 51,983 orang sahaja pada tahun 2000<sup>2</sup>.

Disamping itu aliran masuk pelaburan asing yang tinggi ke dalam negara telah memperkenalkan proses pengeluaran dan teknologi yang baru terutamanya oleh syarikat antarabangsa. Kemasukan teknologi-teknologi moden untuk pengoperasian dalam sektor pembuatan, seperti penggunaan mesin kawalan numerical berkomputer, reka bentuk berbantuan komputer, pembuatan berbantuan komputer dan robotik dapat membantu mempertingkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi dengan mengurangkan tenaga buruh tidak mahir. Tenaga buruh mahir dari luar negara dibawa masuk bersama dengan teknologi tersebut untuk pengendaliannya. Keadaan ini menyebabkan peralihan kepada penggunaan teknologi yang lebih meluas menjadi perlahan kerana kos modal yang tinggi serta kekurangan tenaga mahir tempatan

---

<sup>1</sup> Kementerian Sumber Manusia, 2000

<sup>2</sup> Malaysia 1996:125

terutamanya dalam bidang teknologi baru<sup>3</sup>. Secara tidak langsung situasi ini memberi impak kepada usaha pemulihan ekonomi yang sedang dijalankan oleh kerajaan kerana berlaku peningkatan kos pengeluaran oleh sektor pembuatan apabila terpaksa menggunakan tenaga mahir dari luar negara.

Sehubungan dengan itu kerajaan telah menambahkan perbelanjaan untuk membangunkan tenaga manusia iaitu daripada RM5.02 juta pada tahun 1986 kepada RM3.7 bilion pada tahun 2000<sup>4</sup>. Peningkatan perbelanjaan untuk pembangunan sumber manusia perlu sejajar dengan jumlah tenaga mahir dan separuh mahir yang dapat dikeluarkan oleh institut latihan sama ada awam mahupun swasta untuk diserapkan ke dalam sektor pembuatan yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walaubagaimanapun masih terdapat 'mismatch' di antara keperluan industri dengan keluaran tenaga buruh oleh institut latihan. Perbelanjaan yang besar oleh kerajaan akan dianggap membazir jika masih lagi wujud penyediaan kursus oleh institut latihan yang tidak mengambil kira keperluan industri yang sebenarnya.

Berdasarkan laporan dalam Rancangan Malaysia Ke Tujuh, institut latihan vokasional dan teknik awam adalah penyumbang utama kepada bekalan tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Jumlah keluaran institut latihan awam dalam tempoh rancangan ialah seramai 115,540 orang<sup>5</sup>. Institut Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Rakyat (ILP) adalah salah satu daripada institut latihan awam yang bertanggungjawab mengeluarkan tenaga buruh mahir sebagaimana termaktub dalam objektif

---

<sup>3</sup> Malaysia 1995: 117

<sup>4</sup> Kementerian Kewangan 1999

<sup>5</sup> Malaysia 1996: 124



penubuhannya iaitu melahirkan tenaga kerja mahir untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian (Kemudahan Latihan Vokasional Sektor Awam : edisi kedua ). Walaubagaimana pun wujudnya masalah kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir menimbulkan persoalan sejauh manakah kemampuan ILP memainkan peranannya dalam memenuhi kekurangan ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian yang dibuat adalah untuk memantau sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Institut Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Rakyat (ILP) untuk melahirkan tenaga buruh mahir dan separuh mahir dalam memenuhi permintaan gunatenaga oleh sektor pembuatan. Secara spesifik, objektif kertas ilmiah ini adalah untuk ;

- i. Mengkaji program-program atau kursus-kursus yang ditawarkan oleh ILP yang memenuhi kehendak dan keperluan oleh sektor industri terutamanya sektor pembuatan.
- ii. Mengkaji pengambilan pelatih yang telah diterima untuk mengikuti latihan yang dijalankan oleh ILP.
- iii. Menilai kuantiti tenaga buruh yang dikeluarkan oleh ILP yang boleh diserapkan ke dalam sektor industri terutamanya sektor pembuatan.
- iv. Melihat trend penawaran tenaga buruh mahir dan separuh mahir dalam tempoh tertentu.

#### **1.4 Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana menggunakan data-data sekunder. Analisis difokuskan kepada program-program yang ditawarkan oleh ILP, jumlah pelatih yang mengikuti setiap program secara terperinci, output yang dihasilkan berdasarkan kualiti dan kuantiti tenaga buruh selari atau tidak dengan keperluan sektor industri khususnya sektor pembuatan. Data-data yang berkenaan kemasukan dan pengeluaran pelatih akan dibandingkan dengan keperluan gunatenaga sektor pembuatan untuk melihat sejauh mana kemampuan ILP dapat memenuhi keperluan tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Di samping itu, senarai kursus yang ditawarkan oleh ILP akan dianalisa dengan data keperluan gunatenaga yang diperlukan oleh sektor pembuatan.

#### **1.5 Sumber data dan skop kajian**

Data-data sekunder ini diperolehi daripada organisasi atau jabatan yang berkaitan dengan data yang diperlukan. Antaranya, Laporan Rancangan Malaysia, Laporan Tahunan Bank Negara, Jabatan Tenaga Rakyat, pusat-pusat ILP, bulletin-buletin dan akhbar-akhbar berkaitan.

Kajian akan meliputi data-data antara tahun 1990 hingga tahun 2000. Kajian tentang pengambilan pelatih di ILP adalah berdasarkan data-data yang diperolehi melalui Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) daripada tahun 1995 hingga tahun 2000. Data-data ini akan dibuat perbandingan dengan data-data keperluan gunatenaga oleh sektor

pembuatan yang diperolehi melalui buku Rancangan Malaysia ke Tujuh (RMT) dan Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke Tujuh.

Selain itu data-data tentang keluaran pelatih ILP dari tahun 1995 hingga tahun 2000 akan dianalisa dan dibuat perbandingan dengan data keperluan gunatenaga mahir dan separuh mahir oleh sektor pembuatan dalam tempoh yang sama. Jumlah pelatih yang dikeluarkan menurut kursus yang diambil dibandingkan dengan keperluan gunatenaga mahir dan separuh mahir mengikut kumpulan pekerjaan.

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Berdasarkan kepada objektif kajian dan metodologi yang digunakan maka hipotesis berikut dibentuk:

- i) ILP mampu menyediakn tenaga buruh mahir dan separuh mahir bagi memenuhi gunatenaga dalam sektor pembuatan.
- ii) Kursus-kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan permintaan pasaran buruh dalam sektor perindustrian negara.
- iii) Kuantiti pelatih yang dikeluarkan mencukupi untuk setiap sektor perindustrian.

## 1.7 Pengorganisasian Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian I adalah pengenalan kepada kajian yang turut menyatakan permasalahan kajian, objektif, metodologi, sumber-sumber data dan skop kajian serta hipotesis kajian. Bahagian II membincangkan tentang kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan barat. Bahagian III akan menerangkan metodologi kajian yang digunakan untuk melihat peranan institusi berkitan. Analisis dan keputusan kajian akan diutarakan dalam Bahagian IV. Bahagian terakhir, Bahagian V akan merumus dan mnghuraikan implikasi serta cadangan dasar keseluruhan kajian.

Maimunah Aminuddin. 1992. *Human Resources Management*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Malaysia. 1999. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara

Malaysia. 1997. *Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia. 1991. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia. 1991. *Rancangan Malaysia Ke Enam 1991-1995*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.

Malaysia. 1997. *Malaysia International Trade And Industry Report*.

Micheal Armstrong. 1992. *Human Resource Managemant: Strategy & Action*. Kogan Page Limited.

Mohd Azrone Sarabatin. 2001. Lima ILP Beroperasi Sejak Januari. *Berita Harian*, 3 Ogos: 5

Nadler, Leonard, (ed.). 1984. *Human Resource Development*. John Wiley, New York.

Othman Yeop Abdullah. 1990. Human Resource Development For Industrialization. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 21&22: 91 97

Rahmah Ismail & Zulkifli Osman. 1996. Pembangunan Sumber Manusia Dalam Pembangunan Sektor Pembuatan. Dalam Zaini Mahbar & Mohaini

Tajuddin (ed.) *Industrialisasi Dan Pembangunan*. Bangi : Penerbit UKM

Rahmah Ismail. 1994. *Pembangunan Sumber Manusia Dalam Konteks Pembangunan Sektor Pembuatan, Seminar Kebangsaan, 15-16 Ogos 1994*. UKM

Rahmah Ismail, Ishak Yusof & Abdul Razak Dan. 1996. *Impak Pembangunan Sumber Manusia Ke Atas Prestasi Ekonomi: Analisis Perbandingan Antara Malaysia Dengan NICs Asia*. Kertas kerja Persidangan Isu-isu Globalisasi Dalam Ekonomi dan Pengurusan. UKM , Bangi, 10-11 November

Rashid Mamajiwala. 1994. 'The Role of Industrial Training Institutes'. Dalam Patrick Pillai (ed.) *Industrial Training In Malaysia: Challenge And Response*. Kuala Lumpur: ISIS

Schult, T.W. 1961. Investment In Human Capital. *Journal of Political Economy*, 68.

Subahan Md Meerah. *Pembangunan Sumber Manusia-Kumpulan Kertas Kerja Ke 26 UKM*. Penerbit UKM

Supian Ali. 1997. Isu-isu Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia: Sepintas Lalu Dalam Supian Ali, Rahmah Ismail & Muhammad Anuar Adnan (ed.) *Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM

Spence, A.M. 1975. Job Market Signaling. *Quarterly Journal of Economics*, 87:3

Wexley, Kenneth N and Latham, Gary P. 1991. *Developing And Training Human Resources In Organization*. Harper Collins Publisher

Zainal Abidin Abdul Rashid. 1990. Strategies For Human Resource Development. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 21&22:209 219